



## WARISAN ADAT ISTIADAT SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN RAJA PERLIS: ANTARA BUDAYA DAN AGAMA<sup>1</sup>

Mohd Nizam Sahad<sup>\*</sup>, Shuhairimi Abdullah, Jamsari Jamaluddin, Suhaila Abdullah<sup>2</sup>

nizamsahad@usm.my, shuhairimi@unimap.edu.my,  
jamsari@unimap.edu.my, aila@usm.my

### ABSTRAK

*Warisan adat istiadat istana dipelihara oleh pihak istana dan diperlakukan mengikut tatacara dan protokol tertentu. Adat istiadat istana ini melambangkan status kebesaran dan kedaulatan Raja dalam hubungannya dengan rakyat jelata. Sungguh pun hubungan raja dan rakyat dikatakan rapat, namun tidak semua perkara tentang raja yang dapat dimaklumi dan didekati oleh rakyat lantaran terdapat tatacara dan protokol rasmi pada kehidupan raja di istana. Hal ini termasuklah adat istiadat sambutan hari keputeraan raja, adat istiadat hari pertabalan, kemangkatan raja dan sebagainya. Artikel ini cuba menyorot adat istiadat istana Arau dalam sambutan Hari Keputeraan DYMM Raja Perlis dengan tujuan utamanya untuk mengenal pasti warisan adat istiadat istana yang diperlakukan termasuklah perjalanan keseluruhan majlis, adat semasa di balairong seri dan alat kebesaran diRaja serta pingat dan anugerah yang diberikan supaya menjadi informasi berguna kepada rakyat jelata. Di samping itu juga, artikel ini juga akan menyorot perihal pengaruh budaya dan agama dalam perjalanan adat istiadat tersebut. Dari sudut metodologi pengumpulan data, kajian ini menggunakan kajian kepustakaan dan kajian lapangan yang melibatkan pemerhatian perjalanan adat istiadat dan temubual dengan informan berautoriti dalam hal adat istiadat istana. Hasil kajian mendapati bahawa adat istiadat istana Perlis pada Hari Keputeraan Baginda Raja Perlis penuh dengan protokol rasmi dan pengaruh Islam dn budaya Melayu agak dominan dalam keseluruhan perjalanan adat istiadat hari keputeraan raja Perlis.*

*Kata kunci:* adat istiadat, budaya, agama, istana, Raja Perlis

### 1. PENGENALAN

Kebudayaan dan warisan adat istiadat istana negeri Perlis mempunyai kaitan yang erat dengan sejarah negeri Perlis itu sendiri. Negeri yang terkecil di Malaysia ini telah menunjukkan kesungguhan mereka menjaga kedaulatannya supaya ia kekal menjadi warisan budaya zaman berzaman. Begitu juga dengan adat istiadat istananya. Selain tema “Raja & Rakyat Berpisah Tiada” menjadi slogan mereka bagi mengambarkan keakraban antara raja dengan rakyatnya, istiadat istananya turut dipelihara sejak zaman berzaman supaya warisan agung ini tidak hilang dek kerana peredaran zaman. Hal tersebut terbukti apabila Majlis Hari Ulang Tahun Duli Yang Maha Mulia (D.Y.M.M) Tuanku Syed Sirajuddin

<sup>1</sup> Artikel ini adalah hasil penyelidikan geran RU, Universiti Sains Malaysia dan pernah diterbitkan oleh jurnal SARI, UKM. Sedikit pengubahsuaian dilakukan terhadap artikel atas kehendak pengajar melibatkan item pengaruh agama dan budaya dalam adat istiadat di istana.

<sup>2</sup> Mohd Nizam Sahad dan Suhaila Abdullah merupakan pensyarah kanan di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, manakala Shuhairimi Abdullah dan Jamsari Jamluddin merupakan pensyarah kanan di Pusat Pengajian Pembangunan Insan & Teknokomunikasi, Universiti Malaysia Perlis.

Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail yang ke-66 yang menjadi penelitian pengkaji pada tahun 2009 yang lalu, juga dikenali sebagai “Raja Mesra Rakyat” turut mengekalkan istiadat istana Negeri Perlis.

Walaupun adat istiadat istana masih lagi kekal diamalkan sehingga kini tetapi terdapat perubahan dari semasa ke semasa terutamanya selepas Malaysia mencapai kemerdekaan. Perubahan-perubahan yang berlaku bertujuan untuk memperkuatkan imej raja atau warisan Kesultanan Melayu dalam kalangan rakyat Malaysia. Sistem penganugerahan darjah dan pingat kebesaran juga misalnya mendapat kesan tersebut. Setelah sekian lama istiadat penganugerahan ini dianugerahkan kepada hanya golongan bangsawan dan individu tertentu dalam kalangan bumiputera, kini ia turut diberikan kepada individu dari semua kaum. (Shamsul Amri Baharuddin, 2007: 318)

Pemberian anugerah ini berlaku di peringkat negeri juga di peringkat pusat. Gelaran Dato’ yang dulunya hanya terdapat sewaktu sebelum merdeka juga ditambah kepada gelaran Tan Sri di peringkat pusat. Di peringkat negeri pula telah berlaku pertambahan gelaran seperti Dato’ Seri, Dato’ Seri Utama dan Dato’ Wira. Pertambahan jumlah gelaran ini memberi implikasi yang cukup mendalam terhadap institusi kesultanan Melayu. Pandangan positif terhadap institusi tersebut bukan sahaja kepada kaum bumiputera tetapi juga kepada bukan bumiputera (Shamsul Amri Baharuddin, 2007: 318).

Berhubung kajian-kajian lepas, terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan mengenai warisan dan adat istiadat sultan dan raja Melayu di Malaysia. Antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Sheehan (1936) mengenai Pertabalan Tuanku Abdul Rahman ibni Al-Marhum Tuanku Muhammad Shah sebagai Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan Pertabalan Tengku Kurshiah sebagai Tengku Ampuan. Melalui kajian tersebut Sheehan (1936) telah memperincikan adat istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Besar pada 25 April 1934 yang merangkumi aspek perjalanan keseluruhan majlis di Sri Menanti, upacara sampingan seperti main silat, sepak raga, wayang terbuka dan ronggeng yang diuruskan oleh kerajaan Negeri Sembilan. Beliau turut menulis mengenai upacara sewaktu simbol dan regalia diraja dipindahkan dari tempat simpanannya ke tempat pertabalan (Balai Penghadapan) dengan diuruskan oleh Empat Undang dan dibakar kemenyan semasa upacara tersebut. Beliau turut memperihalkan mengenai penggunaan pawang untuk mengelakkan hari hujan semasa majlis diadakan. Beliau turut memaparkan mengenai upacara memohon doa dengan dibakar kemenyan bagi semangat untuk menghampiri Tuhan dalam membantu perjalanan pertabalan supaya lancar. Sheehan (1936) turuth menulis mengenai perjalanan adat istiadat melantik Tengku Kurshiah sebagai Tengku Ampuan Besar Negeri Sembilan. Berdasarkan perkara yang telah dikaji oleh J.J Sheehan (1936) tersebut, pengkaji menyimpulkan bahawa terdapat unsur-unsur khurafat dengan meminta pertolongan makhluk halus melalui perantaraan pawang dan doa secara tawassul atau melalui perantara dalam upacara dan adat istiadat yang dijalankan.

Selain itu Bryson & Bleloch (1936), turut pernah merekodkan mengenai upacara kemangkatan dan pengkebumian Yang di-Pertuan Besar, Tuanku Muhammad ibni al-Marhum Yam Tuan Antah, Negeri Sembilan. Kajian beliau memperihalkan perjalanan dan urusan pengkebumian dari saat kemangkatan sehingga saat pengkebumian yang dijalankan pada hari ketiga kemangkatan dengan adat istiadat dan upacara yang melibatkan kakitangan istana, ulama dan waris sultan. Sebelum pengkebumian dilakukan adat istiadat pengisyiharan Yang di-Pertuan Besar dilakukan di Balai Penghadapan. Bryson & Bleloch

(1936) turut memperincikan adat istiadat pemashyuran dalam tulisannya merangkumi protokol dan kedudukan tetamu dalam majlis, upacara menghadap dan proses pemilihan pengganti Yang di-Pertuan Besar. Beliau mengakhiri tulisannya dengan melampirkan lakaran kedudukan majlis pada upacara pengkebumian, adat pesaka dan ucapan ringkas Yang di-Pertuan Besar yang baru dinaikkan takhta.

Di samping kajian di atas, terdapat satu kajian dan catatan ringkas mengenai panggilan dan gelaran diraja dilakukan. Kajian tersebut dilakukan oleh Linehan (1926) yang bertajuk “Royal modes of Address in Pahang”. Kajian ini memperihalkan mengenai panggilan khusus kepada Sultan Pahang iaitu Tuanku, manakala kaum kerabatnya yang lelaki dengan panggilan Tengku. Terdapat panggilan dan gelaran lain seperti Che' Engku, Che' Wan dan Engku digunakan bagi kerabat Sultan.

Selain itu terdapat kajian mengenai alatan muzik diraja Perak oleh Wintstedt (1929). Beliau menyatakan bahawa intrumen muzik diraja Perak mengandungi empat alat iaitu gendang (drum), nangkara (kettle drum), nafiri (a long silver trumpet) dan serunai (clarionet). Beliau turut memperincikan bagaimana alat muzik ini diperbuat. Beliau menyatakan bahawa intrumen muzik ini dimainkan dalam upacara tertentu seperti pertabalan sultan, perkahwinan diraja, berkhatan, perpindahan regalia diraja dari satu tempat ke satu tempat, pada waktu awal bulan Ramadan, Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji serta semasa upacara berwuduk tatkala sultan mengambilnya di sungai. Beliau turut memperihalkan mengenai lagu-lagu (tunes) yang dimainkan semasa upacara gembira dan sedih. Antara lagu yang dimainkan ialah Gendang Berangkat, Arak-arak Andelas, Kembang Sekamali, Rama-rama Terbang Tinggi, Arak-arakan Panjang, Arak-arakan Pendek, Dang gendang, Puteri Mandi Mayang, Jong beraleh, Lenggang Enche Kobat, Gendang Perang, Anak Raja Basoh Kaki, Tabal, Nobat Khamis, Nobat Suboh dan Nobat Isha. Alatan-alatan muzik ini dianggap sebagai sebahagian daripada alat dan simbol diraja yang mempunyai kaitannya dengan jin kerajaan (guardian spirits).

Selain itu juga, Winstedt (1929) turut mengkaji berkenaan pantang larang diraja di Negeri Sembilan yang dikenakan kepada semua orang kecuali Yamtuan Antah. Antara pantang larang tersebut menyentuh larangan penyerupaan bentuk dan ukiran bagi rumah, pantang larang dalam berpakaian, dan pantang larang ketika masuk dalam istana. Sebagai contoh, rakyat jelata tidak boleh membina rumah dengan ukiran papan ginding berdaun budi, membina tiang gantung pada tangga dan pintu gerbang. Rakyat juga dilarang memakai baju kuning dan destar bertatah dan berkaki. Semasa di istana, adalah dilarang masuk dengan menggunakan payung atau menyandang kain (scarf) di bahu.

Dalam konteks kajian di negeri Perlis, terdapat tulisan mengenai warisan adat istiadat istana yang telah dilakukan oleh Ramli Ismail (1994). Tulisan beliau bertajuk ‘Adat Istana di Perlis’ dalam Jurnal Warisan Indera Kayangan. Tulisan beliau memperincikan mengenai pertabalan Raja Perlis Pertama iaitu Raja Syed Hussin (1843-1973), pertabalan Raja Perlis Keempat iaitu Raja Syed Alwi (1905-1943) yang dikatakan turut mengikuti sebahagian dari adat istiadat Diraja Siam. Namun begitu, menurut Hamzah Abdullah (2010) yang merupakan Pegawai Adat Istana Perlis pada ketika artikel ini ditulis menyatakan bahawa adat istiadat diraja Perlis pada masa kini tidak dipengaruhi oleh unsur-unsur Siam. Selain itu, Ramli Ismail (1994) turut menyentuh secara ringkas mengenai adat istiadat kemangkatan Raja Syed Alwi. Majlis kenduri arwah dan bacaan al-Qur'an turut diadakan di Istana Arau dan di Makam Diraja Arau selama 40 hari. Tulisan beliau juga turut menyentuh

adat istiadat pertabalan Raja Perlis keenam, iaitu Tuanku Syed Putra dan Raja Perempuan Perlis pada 12 Mac 1949 di Istana Arau. Menurut Hamzah Abdullah (2009), pada masa kini bacaan talqin dan al-Qur'an di atas kubur tidak lagi diamalkan oleh keluarga Diraja Perlis kerana dikatakan bertentangan dengan sunnah yang diamalkan di Perlis.

Ramli Ismail (1994) turut menyatakan bahawa adat menyembah dengan mengangkat kedua-dua tangan di antara mata di hadapan Raja tidak lagi diamalkan, kecuali hanya menundukkan kepala sahaja. Langkah ini adalah selaras dengan ajaran Sunnah Wal Jamaah yang termaktub dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perlis. Namun begitu, menurut Hamzah Abdullah (2010), adat tersebut tidak pernah dibubarkan sebaliknya lafaz "angkat sembah" sahaja yang berubah kepada lafaz 'menjunjung duli'.

Kajian Ramli Ismail (1994) tidak memperincikan adat istiadat istana semasa Raja Perlis ke tujuh pada masa ini. Selain itu juga terdapat kajian dan tulisan lain yang berkaitan dengan Negeri Perlis seperti tulisan mengenai asal-usul Negeri Perlis dan raja-rajanya oleh Hussain Baba bin Mohamad (1969) dan tulisan mengenai alat kebesaran diraja Negeri Perlis oleh Rejab F.I (1997).

Walaupun kajian-kajian yang lalu turut mengkaji berkenaan dengan adat istiadat istana di Tanah Melayu amnya dan di Perlis khususnya, namun kajian yang dilakukan penulis agak berbeza kerana ia meliputi keseluruhan perjalanan Majlis Ulang Tahun Hari Keputeraan ke-66, D.Y.M.M Tuanku Raja Perlis secara khusus berbanding kajian sebelumnya. Kajian ini bertujuan untuk mendedahkan suasana perjalanan majlis, protokol dan prosedur yang mesti dipatuhi semasa adat istiadat berlangsung, mendedahkan mengenai signifikan alatan dan simbol diraja yang digunakan semasa adat istiadat dijalankan dan juga melihat pengaruh adama dan budaya dalam istiadat istana. Justeru itu, kajian ini penting kerana Majlis Ulang Tahun Hari Keputeraan ke-66, D.Y.M.M Tuanku Raja Perlis merupakan majlis tertutup dan terhad kepada para jemputan sahaja. Dalam hal ini mengkaji mendapat perkenan dari Raja Perlis sendiri untuk melakukan penelitian dan pemerhatian keseluruhan perjalanan majlis termasuk raptai penuh, adat istiadat semasa hari sambutan dan majlis santapan. Oleh yang demikian, meng dokumentasikan perjalanan majlis dan mengdeskripsikan adat istiadat semasa Hari Keputeraan Baginda berlangsung dapat memberi pengetahuan kepada pihak lain yang tidak berkesempatan atau tidak berpeluang untuk hadir, khususnya rakyat jelata dan masyarakat awam.

## 2.0 Protokol dan Prosedur

Istiadat Penghadapan merupakan istiadat yang diamalkan di majlis ulang tahun keputeraan Tuanku Raja Perlis setiap tahun. Istiadat ini mula diperkenalkan oleh bekas Menteri Besar Perlis, Allahyarham Tan Sri Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim yang menjadi Menteri Besar Perlis dari tahun 1959 hingga 1971 setelah kembalinya al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail<sup>3</sup> dari berkhidmat sebagai Yang di-Pertuan Agong selama lima tahun, iaitu dari tahun 1965 sehingga 1969. Istiadat tersebut diperkenalkan dengan alasan di Istana Negara sewaktu Tuanku Raja berkhidmat, baginda diberi penghormatan menghadap dengan sebeginu tinggi. Oleh sebab itu, adalah tidak wajar sekiranya sekembalinya Tuanku Raja

<sup>3</sup> Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail merupakan ayahanda kepada Tuanku Syed Sirajuddin. Al-Marhum Tuanku Syed Putra juga merupakan Yang di-Pertuan Agong yang ketiga bagi Persekutuan Tanah Melayu dari tahun 1960-1965.

menjadi Raja Perlis, penghormatan tersebut dihentikan (Ramli Ismail, 1994:5). Istiadat Penghadapan ini terus dilaksanakan semasa pemerintahan Raja Perlis pada masa kini iaitu Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail.

Berhubung adat istiadat, protokol dan prosedur perjalanan Majlis Sambutan Hari Keputeraan Baginda Tuanku Raja Perlis yang ke-66, berdasarkan pemerhatian pengkaji, setelah Tuanku Raja dan Tuanku Raja Perempuan tiba dengan diiringi Yang Berhormat (YB) Pegawai Kewangan Negeri serta isteri pada jam 9.55 pagi. Baginda berdua terus ke Pentas Diraja dengan diiringi oleh Panglima 6 Briged dan YDH Ketua Polis Negeri Perlis. Pada ketika itu kawalan kehormatan memberi ‘Hormat Sedia’. Setibanya Baginda berdua di Pentas Diraja, kawalan kehormatan menyembah ‘Hormat Diraja’ dan Lagu Negeri Perlis dimainkan.

Sewaktu lagu negeri dimainkan Tuanku Raja Perlis akan membalaik tabik hormat daripada para anggota pasukan keselamatan. Setelah selesai lagu negeri dimainkan Bendera Peribadi Tuanku Raja Perlis dipecahkan atau dibawa keluar dari hadapan perbarisan. Bendera ini memiliki lingkaran padi dan perisai berwarna hijau. Pada perisai tersebut terdapat bulatan padi dan perkataan ‘Perlis’ dalam tulisan jawi yang berwarna kuning. Selepas upacara pemecahan Bendera Peribadi baginda raja, Tembakan Meriam Hormat DiRaja sebanyak 21 das tembakan dilepaskan. Hal ini sedikit berbeza dengan perkara yang ditulis oleh Ramli Ismail (1994: 5) yang menyatakan bahawa istiadat tersebut bermula dengan tembakan meriam setelah keberangkatan tiba Tuanku Raja dan Tuanku Raja Perempuan Perlis.

Selepas istiadat Tembakan Meriam Hormat DiRaja selesai, Barisan Kawalan Kehormat akan dilakukan. Pada kebiasaan, Baginda akan memeriksa perbarisan kehormatan tersebut, namun semasa sambutan Hari Keputeraan yang ke-66, Baginda tidak memeriksa kawalan keselamatan kerana keuzuran baginda selepas menjalani pembedahan kaki. Sejurus selesai sahaja lagu negeri dimainkan, lima buah pesawat PCT Pilatus membuat penerbangan lintas hormat dalam bentuk ‘V’. Selesai sahaja lima buah pesawat PCT Pilatus membuat penerbangan lintas hormat, Kawalan Kehormatan menyembah ‘Hormat DiRaja’ kali kedua dilakukan. Sejurus itu Lagu Negeri Perlis sekali lagi dimainkan.

Selesai sahaja istiadat tersebut, Tuanku Raja dan Tuanku Raja Permaisuri berangkat masuk ke Istana Dalam untuk berehat seketika sambil menunggu persiapan bagi majlis istiadat penganugerahan darjah-darjah dan pingat-pingat kebesaran. Keberangkatan Baginda masuk ke Istana Dalam diiringi oleh Setiausaha Kerajaan Negeri<sup>4</sup> dan isterinya kemudian YB Pegawai Kewangan Negeri dan isterinya. Seterusnya Menteri Besar Perlis serta isteri, tengku-tengku bergelar, puteri-puteri dan kerabat-kerabat diraja, Speaker Dewan Undangan Negeri serta isteri dan Hakim Mahkamah Tinggi serta isteri masuk ke Istana Dalam. Setelah semua dif-dif terhormat masuk ke Istana Dalam, kawalan kehormat beredar dari Dataran Istiadat, Istana Arau.

Istiadat penganugerahan darjah dan pingat kebesaran di Perlis sebenarnya boleh berlangsung dalam dua istiadat yang berbeza. Pertama, istiadat pemasyhuran Raja Muda Perlis dan Raja Puan Muda Perlis. Kedua, istiadat hari keputeraan baginda raja. Semasa istiadat pemasyhuran, darjah dan pingat kebesaran hanya diberikan kepada Raja Muda

<sup>4</sup> Setiausaha Kerajaan Negeri juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Istiadat.

Perlis dan Raja Puan Muda Perlis sahaja. Ia berbeza dengan istiadat penganugerahan darjah dan pingat kebesaran sewaktu hari keputeraan baginda raja. Dalam istiadat tersebut penganugerahan darjah dan pingat kebesaran diberikan kepada semua yang dirasakan layak menerimanya atas perkenan Tuanku (Kompilasi Istiadat Pemasyhuran).

Sebagai perbandingan mengenai warisan adat istiadat istana berhubung istiadat penganugerahan darjah dan pingat kebesaran, Ismail Ahmad (1967: 37) menyatakan bahawa istiadat penganugerahan darjah dan pingat kebesaran di Perak, pada suatu ketika dahulu, dilakukan sewaktu seseorang baharu ditabalkan menjadi sultan atau raja. Pemberian pangkat dan gelaran dikaitkan dengan politik dan pentadbiran supaya pegawai dan individu tersebut memberi taat setia yang lebih. Selain daripada pemberian pangkat, penganugerahan juga diberikan kepada seseorang yang melakukan tugas besar dan berjasa kepada sultan atau raja. Misalnya Tambi Kechik diberi gelaran Raja Mutabar Khan kerana jasanya menjual gajah di India dan Amir Diwangsa digelar Maharaja Tentu Wangsa kerana jasanya membuat mahligai.

Menurut Ismail Ahmad (1967: 38) lagi, pemberian gelaran ini tidak tertakluk kepada pegawai dan rakyat jelata sahaja. Ia turut diberikan kepada orang kenamaan. Sebagai contoh, ia turut dianugerahkan apabila berlaku lawatan Yang DiPertuan Selangor ke Perak pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud Shah. Sebagaimana tercatat seperti di bawah;

“Maka di-perbuat-lah gendang nobat dengan sa-lengkap-nya; telah itu, maka di-tabalkan baginda Raja Selangor itu dengan saperti ‘adat-nya. Maka di-gelar Sultan Salehu’d-din serta di-kurniai baginda chap istananya ”<sup>5</sup>.

Bagi negeri Perlis penganugerahan Darjah-darjah dan Pingat-pingat Kebesaran adalah hak mutlak dan perkenan ke bawah D.Y.M.M Tuanku Raja Perlis. Baginda berhak memperkenankan pencalonan individu untuk memperolehinya. Semasa Istiadat Penganugerahan Darjah-Darjah dan Pingat Kebesaran sewaktu hari ulang tahun

Keputeraan yang ke-66, ia dimulakan pada jam 10.20 pagi pada hari yang sama di Balairong Seri, Istana Arau, Perlis<sup>6</sup>. Kedudukan setiap individu di dalam Balairong Seri telah ditetapkan. Tiupan serunai bertajuk ‘Tuanku Raja Berangkat’ oleh Kumpulan Gendang Terinai Diraja menandakan baginda berdua sedang berangkat masuk ke Balai Penghadapan Istana yang didahului oleh dua barisan pembawa tombak, terus menuju naik ke Singgahsana. Ketibaan baginda berdua diiringi oleh YB Setiausaha Kewangan Negeri Perlis serta isterinya pada jam 11.00 pagi. Setibanya di Singgahsana lagu rasmi negeri dimainkan. Sebelum itu, sedia menunggu di tempat duduk khas ialah Tuanku Raja Muda serta Tuanku Raja Puan Muda, putera serta puteri Baginda yang bergelar dan tidak bergelar, kaum kerabat diraja, Menteri Besar Negeri serta isteri, Speaker Dewan Undangan Negeri serta isteri, para pembesar negeri dan penerima-penerima pingat serta bintang kebesaran. Setelah lagu rasmi negeri siap dimainkan, bacaan ayat-ayat suci al-Quran dibacakan. Selesai bacaan ayat suci al-Quran tersebut Pegawai Istiadat kemudian tampil menjunjung duli untuk memohon keizinan bagi memulakan majlis istiadat. Lafaz sewaktu pegawai istana menghadap adalah seperti mana di bawah;

<sup>5</sup> Perkataan chap istana sama erti dengan perkataan cop mohor.

<sup>6</sup> Ulasan berkenaan Balairong Seri, Istana Arau, Perlis telah diperincikan dalam sub topik 4.0. Balairong Seri.

“Ampun Tuanku beribu ampun, sembah patik mohon diampun. Patik pohon ampuni limpah perkenan Kebawah D.Y.M.M Tuanku untuk patik memulakan Istiadat Penganugerahan Darjah dan Pingat Kebesaran. Ampun Tuanku”.

Setelah Tuanku Raja mengizinkan istiadat maka pegawai istiadat mengisyiharkan bermulanya istiadat tersebut. Lafaz pengisyiharan tersebut adalah sebagaimana di bawah;

“Menjunjung titah perintah D.Y.M.M Tuanku Raja. Maka inilah diisyiharkan bahawa Istiadat Panganugerahan Darjah dan Pingat Kebesaran dizahirkan sekarang”.

Setelah itu istiadat penganugerahan secara rasminya bermula. Melalui temubual dengan Hamzah Abdullah (2009), sebelum menerima penganugerahan, para penerima anugerah perlu mematuhi adat istiadat yang ditetapkan untuk menghadap sebelum bergerak menuju ke Singgahsana bagi menerima anugerah daripada Tuanku Raja. Apabila nama penerima dipanggil, barulah penerima tersebut bangun di tempat duduknya seterusnya menundukkan kepala ke hadapan sebagai tanda hormat kepada Tuanku Raja. Barulah penerima akan keluar dari tempat duduknya menuju ke Singgahsana.

Apabila tiba di hadapan Singgahsana, penerima akan menjunjung duli sekali lagi kepada Tuanku Raja, kemudian bergerak tiga langkah ke hadapan kemudian sekali lagi melakukan angkat sembah. Penerima berkenaan kemudian terus melangkah menaiki tangga Singgahsana dan menghadap Tuanku Raja untuk menerima anugerah yang dikurniakan kepadanya. Anugerah tersebut akan disematkan pada baju atau diberi dalam bentuk selendang oleh Tuanku Raja.

Selesai sahaja menerima anugerah, penerima tersebut bersalaman dengan Tuanku Raja sambil berkata, “Patik menjunjung ampun kurnia Tuanku”. Setelah itu, penerima berkenaan akan berundur turun dari Singgahsana dan mengangkat sembah. Kemudian, undur tiga langkah dan kemudian sekali lagi sembah. Apabila selesai sembah terakhir, penerima terlibat sekali lagi berundur tiga langkah dan kemudian barulah boleh berpusing untuk kembali ke tempat duduk asalnya.

Setelah selesai semua penerima diberi anugerah, Mufti Negeri dititahkan untuk membacakan doa selamat. Biasanya, pada waktu ini Mufti Negeri akan diapit oleh Kadi Besar Negeri dan Penolong Kadi (Ramli Ismail, 1994:5). Setelah itu, titah ucapan tahniah oleh Raja Muda Perlis dilangsungkan. Tuanku Raja turut bertitah selepas Menteri Besar Perlis menyembah tahniah daripada Raja Muda Perlis. Titah Baginda berupa pesanan dan nasihat kepada rakyat dilakukan. Setelah selesai titah Baginda, Pegawai Istiadat menyembah Tuanku Raja dengan menyatakan bahawa istiadat telah sempurna dan berakhiri. Kemudian barulah Tuanku Raja dan Tuanku Raja Perempuan berangkat dari majlis istiadat.

Juruacara kemudiannya akan mengumumkan keberangkatan pulang Tuanku Raja dan Tuanku Raja Perempuan diiringi YB Setiausaha Kerajaan Negeri serta isteri. Serentak dengan itu Lagu Negeri Perlis dimainkan. Serentak dengan itu semua yang ada di dalam istana berdiri. Setelah berakhir lagu negeri, Tuanku Raja dan Tuanku Raja Perempuan turun dari Singgahsana. Baginda berdua didahului oleh dua barisan pembawa tombak diraja sambil diiringi dengan tiupan serunai “Tuanku Raja Berangkat”.

Setelah keberangkatan pulang Tuanku Raja dan Tuanku Raja Perempuan, juruacara sekali lagi mengumumkan keberangkatan pulang Tuanku Raja Muda dan Tuanku Raja Puan Muda diiringi YB Pegawai Kewangan Negeri serta isteri. Keberangkatan pulang diikuti oleh Menteri Besar serta isteri kemudian tengku-tengku bergelar, puteri-puteri dan kerabat diraja, Speaker Dewan Undangan Negeri serta isteri, Hakim Mahkamah Tinggi serta isteri, para pembesar negeri dan penerima-penerima pingat serta bintang kebesaran, meninggalkan Balai Penghadapan. Majlis kemudiannya bersurai. Para penerima Darjah dan Pingat Kebesaran dibenarkan untuk mengambil gambar selepas majlis selesai di Dewan Balairong Seri.

Selepas Majlis Penganugerahan di atas selesai, Majlis Santapan Tengahari turut diadakan di Dewan Negeri, Jalan Kolam Kangar pada jam 1.00 tengahari dan Majlis Santapan Negeri di Dewan Bankuasi, Istana Arau pada jam 8.15 malam. Selain daripada majlis santapan tersebut terdapat pelbagai acara utama yang lain turut diadakan sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan ke-66 D.Y.M.M Tuanku Raja Perlis. Acara tersebut ialah Tilawah al-Quran Peringkat Negeri Perlis, Perasmian Sekolah Menengah Padang Siding, Wayang Pacak, Jamuan teh, Perasmian Masjid Muqarabbin, Behor Emping dan sukan rakyat. Pengkaji berkesempatan untuk turut serta dalam majlis Santapan Tengahari yang masjilinya disulami dengan persembahan nyanyian, majlis potong kek dan sebagainya.

Selain daripada acara-acara utama terdapat juga 30 acara sampingan. Antara acara-acara sampingan tersebut ialah Kejohanan Woodball Tertutup Perlis 2009, Majlis Perasmian Penutup Minggu Pembelajaran Sepanjang Hayat, Program Anak Angkat dengan Allianze College of Medical Sciences (ACMS), Pesta Harumanis, Pertandingan Futsal Terbuka Perlis, Persembahan Kebudayaan / Teater Muzikal ‘Rubiah’, Hari Koprat UiTM Perlis bersama Media, Perasmian Stesyen Penyelidikan Agroteknologi UniMAP, Program ‘Bacalah Manjaku’ Bersama Kanak-Kanak di Klinik Thalasemia, Hospital Tuanku Fauziah, Kangar dan Malam Impian Ratu II. Jelaslah berdasarkan keterangan di atas Hari Keputeraan Tuanku Raja Perlis disambut dengan penuh adat istiadat dan disulamkan dengan pelbagai aktiviti yang melibatkan rakyat Perlis secara langsung dan tidak langsung.

### **3.0 Pakaian**

Pakaian merupakan antara aspek yang dititikberatkan sewaktu majlis raja berlangsung. Begitu juga sewaktu Majlis Istiadat Penganugerahan Darjah-Darjah Kebesaran dan Pingat diadakan sewaktu Majlis Ulang Tahun Hari Keputeraan ke-66 Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis diadakan. Sama ada Tuanku Raja Perlis, Tuanku Raja Perempuan Perlis, Tuanku Raja Muda Perlis atau Tuanku Raja Puan Muda Perlis, bahkan semua yang berada di Balairong Seri, Istana Arau, Perlis, kesemuanya memakai pakaian sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak istana. Malah pihak istana turut memeriksa semua jemputan dari sudut kesesuaian pakaian sama ada menurut peraturan sebelum dapat masuk ke Balairong Seri.

Tuanku Raja akan memakai pakaian lengkap Melayu dengan tengkolok bermahkota dan keris diraja. Tuanku Raja juga boleh memakai pakaian seragam tertinggi tentera. Bagi Tuanku Raja perempuan, baginda akan memakai baju kebaya labuh dan berkain serta mahkota di atas kepala (Ramli Ismail, 1994:5).

Menurut Hamzah Abdullah (2009), bagi lelaki Melayu yang menganggotai Jemaah Dato'-Dato' Perlis, pakaian yang ditetapkan untuk mereka ialah pakaian rasmi Jemaah Dato'-Dato' Perlis iaitu Baju Sikah, tengkolok, bengkong dan keris. Bagi pegawai kerajaan yang menerima penganugerahan, pakaianya ialah pakaian seragam kakitangan kerajaan sekiranya ada. Bagi pegawai beruniform seperti tentera dan polis, pakaianya adalah sebagaimana pakaian uniform istiadat badan beruniform terbabit. Pakaian yang ditetapkan untuk lelaki Melayu yang bukan dari kalangan Jemaah Dato'-Dato' Perlis, pakaianya ialah baju kebangsaan, berbutang lima, bersampin songket, berbengkong dan bertengkolok. Baju kebangsaan tersebut hendaklah berwarna hitam. Begitu juga kasut dan sarung kaki berwarna hitam. Bagi lelaki bukan Melayu pula, pakaian rasmi untuk majlis istana ialah lounge suit berwarna hitam ataupun biru gelap. Bersama-sama dengan lounge suit tersebut, baju di sebelah dalamnya ialah kemeja putih berkollar serta bertali leher. Selain itu mereka harus bersongkok, berkasut dan bersarung kaki hitam sepetimana lelaki Melayu yang menerima anugerah.

Menurut beliau lagi, bagi penerima darjah kebesaran dan pingat perempuan Melayu, Baju Kurung atau Kebaya ditetapkan sebagai pakaian rasmi. Penerima yang tidak memakai tudung perlu berselendang. Manakala yang memakai tudung, selendang dikecualikan. Kasut bagi penerima juga hendaklah bertutup. Manakala sarung kakinya adalah berwarna sama dengan warna kulit. Namun warna kasut tidak ditetapkan. Bagi penerima kurnia perempuan bukan Melayu, baju labuh yang bersesuaian ditetapkan. Kasut dan sarung kaki adalah sebagaimana yang telah ditetapkan ke atas penerima perempuan Melayu.

Menurut Hamzah Abdullah (2009) lagi, bagi penerima yang memakai sari, sarinya hendaklah ditutup litup. Manakala pemakaian gelang kaki adalah tidak dibenarkan. Pakaian yang dilarang ialah pakaian yang berwarna kuning dan putih. Selain itu, pakaian baju songket, seluar songket atau sampin songket juga tidak dibenarkan. Butang emas bagi penerima lelaki Melayu juga adalah dilarang. Pakaian yang disebutkan di atas juga ditetapkan kepada pengiring yang mengiringi penerima kurnia.

#### **4.0 BALAIRONG SERI**


Satu ketika dahulu Balairong Seri merupakan tempat yang dihias sempurna dengan tiangnya dibaluti dengan kain sutera kuning. Di sebelah dalamnya digantung tirai dan langit-langit, manakala pada dindingnya digantung tabir gunung. Di kawasan hadapan Balairong Seri terletak Singgahsana yang dihias dengan kain emas. Di atas Singgahsana terletak tempat bersemayam Tuanku Raja dan Tuanku Raja Perempuan dengan bantal di sebelah belakang. Di Balairong Seri tersebut dijalankan istiadat menjunjung duli (Syed Alwi bin Sheikh al-Hadi, 1960:102). Pada zaman ini, Balairong Seri merupakan tempat berlangsungnya istiadat penganugerahan darjah dan pingat kebesaran sempena ulang tahun Hari Keputeraan Tuanku Raja Perlis. Balairong Seri yang dimaksudkan ini terletak di tingkat 2, Istana Arau, Perlis.

Menurut Syed Alwi bin Sheikh al-Hadi (1960: 73-79), peraturan-peraturan adat istiadat di Balairong Seri perlu diamati oleh Penghulu Balairong Seri. Hal ini kerana Penghulu Balairong Seri perlu memastikan setiap kedudukan individu yang berada di dalam Balairong Seri tersebut berada di kedudukan yang betul mengikut adat istiadatnya. Individu yang berada di dalam Balairong Seri tersebut juga tidak dibenarkan sama sekali keluar

masuk tanpa tujuan melainkan benar-benar terdesak. Jika individu yang berada di dalam balai tersebut perlu keluar beliau hendaklah meminta izin Penghulu Balai dan mestilah diizinkan olehnya untuk keluar. Bagi seseiapa yang tidak mengikuti arahan Penghulu Balai, beliau boleh dihalau keluar daripada Balairong Seri<sup>7</sup>.

Hal yang sama turut ditekankan oleh Pegawai Istana di Istana Arau sewaktu latihan istiadat penganugerahan darjah-darjah dan pingat kebesaran diadakan. Menurut pegawai tersebut, di dalam Balairong Seri tidak dibenarkan sama sekali untuk merokok, mengambil gambar sewaktu istiadat berlangsung dan menggunakan telefon. Semasa di dalam Balairong Seri, setiap yang berada di dalamnya tidak digalakkan untuk keluar dari Balairong Seri kecuali terdesak. Sekiranya terdesak individu tersebut perlu bangun dan tunduk menghadap Tuanku dari kerusinya kemudian berjalan keluar ke pintu besar. Kemudian beliau perlu tunduk sekali lagi dan terus keluar.

Individu atau unit yang bertanggungjawab menguruskan Balairong Seri berubah mengikut peredaran zaman. Jika dahulu Penghulu Balairong Seri bertanggungjawab menguruskan Balairong Seri dan segala perjalanan adat istiadat yang berlangsung di dalamnya, kini ia diuruskan oleh Unit Protokol, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.



Gambar Rajah Kedudukan Setiap Individu Penting Di Dalam Balairong Seri, Istana Arau Perlis Sewaktu Ulang Tahun Kelahiran Majlis Hari Ulang Tahun (D.Y.M.M) Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail yang ke-66.


<sup>7</sup> Perincian berkenaan kedudukan dan peraturan-peraturan yang lebih terperinci seperti peraturan kedudukan di dalam Balairong Seri dan adat istiadat Sudan (sehidang) di Balairong Seri, lihat Syed Alwi bin Sheikh Al-hadi (1960: 73-79).

## 5.0 ALAT DAN SIMBOL KEBESARAN

Alat-alat kebesaran diraja Negeri Perlis juga dikenali sebagai Regalia Diraja Perlis merupakan alatan yang unggul, dihormati dan ada di antaranya dianggap suci dan berdaulat. Sewaktu adat istiadat pertabalan seorang Tuanku Raja, alat-alat kebesaran tersebut digunakan sepenuhnya (Rejab F.I, 1996:4).

Sewaktu istiadat kebesaran yang lain seperti upacara perayaan menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Tuanku Raja, hanya sebahagian sahaja digunakan atau dipakai oleh Tuanku Raja dan Tuanku Perempuan Perlis. Alat-alat kebesaran ini sering ditambah dari semasa ke semasa, contohnya singgahsana dan lambang pada tengkolok diraja (Rejab F.I, 1996:4). Berikut merupakan beberapa alat dan regalia Diraja Perlis.

### 5.1 Al-Quran



Al-Quran merupakan kitab suci bagi umat Islam. Ia juga merupakan mukjizat Nabi Muhammad s.a.w. Selain itu, al-Quran merupakan alat kebesaran dan kesucian yang melambangkan Tuanku Raja sebagai Ketua Agama yang memerintah Negeri Perlis. Sewaktu adat istiadat berlangsung di Balairong Seri, alat kebesaran ini diletakkan di antara tempat bersemayam Tuanku Raja dengan Tuanku Raja Perempuan yang terletak di Singgahsana. Ia mengambarkan kedudukan al-Quran sebagai alat kebesaran yang utama serta Islam sebagai agama rasmi kerajaan Perlis. Hal ini termaktub dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Perlis sebagaimana tercatat di bawah;

### Part II RELIGION OF THE STATE

#### *5. Religion of the State.*

(1) *The Religion of the State shall be the Ahli Sunnah Waljama'ah as heretofore professed and practised in the State.*

(2) *All other religions may be practised by persons professing them in any parts of the State provided that they do so peacefully.*

### **6. Raja as Head of Religion of the State.**

*(1) The Head of the Religion of the State shall be the Sovereign and the Sovereign may cause laws to be enacted for the purpose of regulating religious affairs and for the Constitution of a Council to be called the Majlis Ugama Islam and Adat Isti'adat Melayu to aid and advise the Sovereign in all matters relating to the Religion of the State and Malaya Custom.*

*(2) Notwithstanding that there is a Council of Regency or a Regent in the State by reason of the fact that the Sovereign is elected of the Office or is exercising the functions of the Yang di-Pertuan Agong, the Sovereign shall continue to exercise his functions as Head of the Religion of State.*

*(3) The Sovereign as Head of Religion the State shall in accordance with the provisions of the Federal Constitution, authorise the Yang di-Pertuan Agong to represent him in any acts, observances or ceremonies of the Muslim Religions which by the agreement of the Conference of Rulers extend to the Federation as a whole".*

Hal yang termaktub di dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Perlis ini bertepatan sekali dengan Perlembagaan Persekutuan yang turut menyatakan hal yang sedemikian<sup>8</sup>. Hal ini bersesuaian sekali apabila al-Quran dijadikan alat kebesaran diraja bagi Negeri Perlis.

### **5.2 Keris Pendek Diraja**

Keris merupakan senjata warisan masyarakat Melayu yang digunakan untuk mempertahankan diri, menentang musuh dan juga digunakan untuk membantu kerja-kerja harian. (Mohd Zainuddin Haji Abdullah & Mohd Shahrim Senik, 2007: 1). Keris juga menjadi lambang dan simbol bangsa Melayu dan menjadi elemen sebagai alat istiadat bangsa dan

---

<sup>8</sup> Hal tersebut juga bertepatan dengan Perlembagaan Persekutuan sebagaimana di bawah;  
“Perkara 3. Agama bagi Persekutuan.

- (1) Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan.
- (2) Di dalam tiap-tiap Negeri selain Negeri-Negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua agama Islam di Negerinya mengikut cara dan setakat yang diakui dan ditetapkan oleh Perlembagaan Negeri itu, dan, tertakluk kepada Perlembagaan itu, segala hak, keistimewaan, prerogatif dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua agama Islam, tidaklah tersentuh dan tercabat; tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang berkenaan dengannya Majlis Raja-Raja telah bersetuju bahawa perbuatan, amalan atau upacara itu patut diperluas ke seluruh Persekutuan, setiap Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua agama Islam membenarkan Yang di-Pertuan Agong mewakilinya.
- (3) Perlembagaan-Perlembagaan Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak hendaklah masing-masing membuat peruntukan bagi memberi Yang di-Pertuan Agong kedudukan sebagai Ketua agama Islam di Negeri itu.
- (4) Tiada apa-apa jua dalam ini mengurangkan mana-mana peruntukan lain dalam Perlembagaan ini.
- (5) Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan bagi maksud ini Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengawal selia hal ehwal agama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam”.

negara yang telah digunakan sejak lebih 600 tahun dahulu. (Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 1984:1)



Dalam konteks pemakaianya pada masa kini oleh Raja atau Sultan di istana khususnya pada upacara pertabalan, hari keputeraan dan sebagainya, ia melambangkan kebesaran dan kekuasaan. (Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 1984:1)

Keris Pendek Diraja sebagai contoh sebagaimana gambar di atas, dipakai oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis ketika diadakan istiadat pertabalan dan istiadat perayaan rasmi kerajaan negeri.

Bagi Tuanku Raja juga, baginda mempunyai “keris batang tubuh”. Umpamanya pemasyturan D.Y.M.M Tuanku Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin ibni Syed Sirajuddin pada 12 Oktober 2000 lalu, sebuah keris peribadi Tuanku Raja Muda diwujudkan sebagai simbol kepada Tuanku Raja Muda Perlis.

“Keris batang tubuh” ialah keris yang diwujudkan bertujuan untuk diserahkan pada suatu masa nanti kepada sesiapa yang bakal menjadi Tuanku Raja Muda. Keris tersebut dipersembahkan oleh Menteri Besar, Dato Seri Shahidan Kasim sebagai ketua kerajaan dan wakil rakyat jelata, kepada Tuanku Raja Muda (Ramli Ismail, 2000:25).

Pernah diriwayatkan berlaku di Perlis pada masa dahulu, keris tersebut mewakili seorang keluarga diraja untuk meminang gadis kebanyakan. Sewaktu majlis persandingan, keris tersebut mewakili Tuanku Raja Muda bersanding di atas pelamin dengan pengantin perempuan kebanyakan tersebut. Hal ini bertujuan menjaga martabat keluarga diraja tersebut kerana berkahwin dengan orang kebanyakan. Hal ini berlaku kerana masyarakat pada ketika itu, menyifatkan pengantin lelaki daripada keluarga diraja tidak sepadan untuk bersanding di atas pelamin bersama pengantin perempuan kebanyakan. Bagi mengatasi masalah tersebut, keris diletakkan sebagai pengganti tuan tubuh kepada pengantin lelaki keluarga diraja untuk bersanding di atas pelamin (Ramli Ismail, 2000:25).

Menurut Hill (1970), keris merupakan senjata bagi masyarakat Melayu Malaysia. Menurut beliau lagi keris merupakan sebahagian daripada pakaian Melayu, juga dipakai sewaktu majlis perkahwinan oleh pengantin dan ia dipercayai memiliki kesaktian. Menurut Hamzah Abdullah (2009), unsur-unsur kepercayaan yang bercanggah dengan akidah Ahl Sunnah wal Jamaah tidak lagi diamalkan dalam segala bentuk adat istiadat dan regalis Diraja, khususnya yang berkaitan kesaktian dan kekeramatkan keris.

### 5.3 Pedang Diraja



Pedang ini merupakan pedang yang berasal daripada Tuanku Raja Pattani iaitu nenekanda Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perempuan. Ia digunakan semasa upacara pertabalan seorang Tuanku Raja (Rejab F.I, 1996:5).

### 5.4 Sundang

Sundang merupakan keris panjang yang dipakai oleh Tuanku Raja ketika diadakan upacara pertabalan dan hari-hari kebesaran (Rejab F.I, 1996:5). Menurut Hill (1970: 90), sundang boleh dikategorikan sebagai salah satu keris panjang yang berbentuk pedang yang juga dikenali sebagai keris sundang. Menurut beliau lagi ia digunakan oleh Kaum Sulu untuk bertarung di laut.

### 5.5 Tengkolok Diraja



Tengkolok diraja ini diperbuat daripada kain tenunan warna hitam bersulamkan benang emas. Bentuk ikatannya dinamakan Putera Kayangan. Pada bahagian hadapan tengkolok ini diletakkan lambang Negeri Perlis iaitu ukiran tangkai padi yang merupakan hasil utama Negeri Perlis. Lambang ini diperbuat daripada emas putih. Menurut temubual dengan Dato Hamzah dan Pak Razak, individu yang menguruskan pakaian istana, Tuanku Raja memakai tengkolok dari kiri ke sebelah kanan dan rakyat biasa dari kanan ke sebelah kiri, termasuk juga Raja Muda sekalipun. Tengkolok diraja ini dikenalikan dengan nama 'Dendam Tak Sudah'.

Selain keris, tengkolok merupakan warisan pakaian lelaki bagi masyarakat Melayu. Tengkolok mempunyai beberapa jenis seperti Tengkolok Terbang, Tengkolok Pacuk dan Tengkolok Helang. Setiap negeri mempunyai identiti tengkoloknya yang tersendiri. Pada zaman dahulu, melalui pemakaian tengkolok sahaja mereka boleh mengenali asal negeri seseorang tersebut. Di Perlis sahaja terdapat tiga jenis tengkolok iaitu tengkolok yang dipakai oleh pendekar, tengkolok yang dipakai ketika menghadap Tuanku Raja Perlis dan tengkolok yang dipakai oleh rakyat jelata (Roslan Bidin, 1996: 21-22).

### 5.6 Gendik Diraja



Gendik atau mahkota diraja ini diperbuat dengan bertahtakan batu permata. Terdapat ukiran dua bentuk tangkal padi yang melambangkan Negeri Perlis kerana hasil utama negeri tersebut ialah padi. Ia diperbuat daripada emas putih. Gendik diraja ini merupakan perhiasan kebesaran yang dipakai oleh Tuanku Raja Perempuan Perlis ketika majlis-majlis istiadat rasmi diraja.

### 5.7 Kalung Diraja



Kalung diraja merupakan rantai leher yang dipakai oleh Tuanku Raja Perempuan Perlis yang diperbuat daripada emas putih bertatahkan penuh dengan permata berlian.

### 5.8 Tepak Sirih Diraja



Tepak sirih diraja merupakan antara alat istiadat perkahwinan diraja. Ia terdiri daripada 11 bekas termasuk bekas sirih, pinang dan kapur gambir. Kesemua bekas ini diperbuat daripada perak. Alatan ini tidak digunakan semasa Majlis Penganugerahan Darjah dan Pingat Kebesaran.

### 5.9 Tombak Dan Lembing Diraja



Kedua-dua alat ini digunakan oleh pengiring Tuanku Raja. Para pengiring akan mengiring Tuanku Raja berangkat terutamanya ketika diadakan upacara pertabalan dan sesuatu berada di majlis rasmi diraja.

Satu ketika dahulu tombak dan lembing ini turut dijadikan senjata untuk mempertahankan diri oleh masyarakat Melayu daripada serangan musuh. Dahulunya batang lembing atau tombak diperbuat daripada buluh. Matanya pula diperbuat daripada kayu keras yang dibentuk menjadi runcing dan tajam. Ia bertujuan untuk mencederakan musuh sekali gus membunuhnya dari jarak jauh berbanding sundang dan keris (Hill, 1970: 97).

### 5.10 Gendang Tarinai dan Nafiri



Nafiri ialah muzik khusus yang dibunyikan ketika keberangkatan diraja ke Balai Penghadapan terutama sekali pada upacara pertabalan. Gendang Tarinai pula dimainkan ketika Tuanku Raja berangkat dalam upacara pertabalan dan majlis perkahwinan.

Pada suatu ketika dahulu apabila rakyat jelata terdengar sahaja bunyi tiupan nafiri, walaupun dari jarak yang jauh rakyat jelata tersebut hendaklah duduk dengan tertib seperti mana menghadap raja sehingga selesai bunyi tersebut. Jika rakyat jelata tersebut tidak melakukannya tidaklah dikenakan hukuman tetapi rakyat jelata tersebut bersalah kepada rajanya. Sebaliknya sekiranya mendengar tiupan dengan jarak yang dekat tetapi rakyat jelata tersebut tidak duduk sebagaimana dikehendaki, rakyat jelata tersebut akan dikenakan hukuman (Syed Alwi bin Sheikh al-Hadi, 1960 :80).

Tiupan nafiri hanya akan dilakukan terhadap empat individu sahaja iaitu sultan, raja muda, bendahara dan temenggung. Selain daripada keempat-empat individu tersebut tiupan nafiri sekali-kali tidak akan dimainkan melainkan dengan kurniaan khas daripada sultan. Jumlah tiupan nafiri pula berbeza-beza di antara satu individu dengan individu yang lain. Misalnya tiupan untuk sultan jumlahnya 32 kali manakala tiupan untuk raja muda adalah 11 kali (Syed Alwi bin Sheikh al-Hadi, 1960 :82).

Melalui temubual yang dijalankan oleh penulis bersama Amil Senapi (2010) selaku Ketua Muzik Tarinai, beliau mengatakan muzik ini hanyalah satu-satunya muzik yang dimainkan di Perlis, di negeri-negeri lain muzik tarinai ini tidak dimainkan. Tarinai merupakan muzik yang banyak dimainkan dalam kalangan masyarakat seperti sewaktu majlis perkahwinan dan sebagainya. Tetapi lagu yang dimainkan khas untuk Tuanku Raja ialah lagu ‘Raja Berangkat’. Alat-alat muzik bagi tarinai ialah dua buah gendang, dua buah gong dan dua batang serunai. Kesemua alatan muzik ini dimainkan oleh lima orang pemuzik. Pada masa dahulu alatan muzik tarinai tidak boleh sama sekali sesiapa pun yang memegangnya kecuali pemain muzik tarinai sahaja. Begitu juga larangan untuk melangkah alatan muzik tersebut. Hal ini kerana terdapat kepercayaan bagi sesiapa yang memegang alatan tersebut akan ditimpa penyakit. Bagaimanapun menurut Amil Senapi (2010) lagi, pada masa kini kepercayaan tersebut tidak lagi menjadi kepercayaan sebagaimana sebelumnya. Permainan alatan muzik tarinai pada masa kini juga tidak lagi mempunyai unsur-unsur khurafat sebagaimana yang dinyatakan oleh Wintstedt (1929) dalam muzik-muzik yang dimainkan di Negeri Sembilan.

### 5.11 Singgahsana



Merupakan tempat bersemayam Tuanku Raja. Ia merupakan lambang takhta kerajaan negeri Perlis. Singgahsana ini dibina pada tahun 1986 dengan menggunakan kayu jati pertama yang terdapat dalam negeri Perlis.

### 5.12 Payung Diraja

Payung diraja diperbuat daripada kain berwarna kuning. Payung ini pada hakikatnya melambangkan simbol diraja. Padanya terdapat lambang Negeri Perlis berwarna hijau. Ia digunakan sewaktu ketibaan keberangkatan Tuanku Raja dan beberapa istiadat lain. Terdapat sebanyak 12 kaki payung kuning kesemuanya sewaktu digunakan dalam istiadat pertabalan. Tetapi sewaktu adat istiadat kemangkatan seorang Tuanku Raja 12 kaki payung berwarna putih akan digunakan.



### 5.11 Tiara

Tiara diraja diperbuat dengan bertatahkan batu permata. Selain itu terdapat ukiran dua bentuk tangkai padi pada tiara tersebut. Ia merupakan lambang hasil utama Negeri Perlis. Tiara ini diperbuat daripada emas putih iaitu perhiasan kebesaran yang dipakai oleh Tuanku Raja Perempuan Perlis ketika diadakan upacara-upacara rasmi diraja.

## 6.0 DARJAH-DARJAH KEBESARAN

Terdapat 15 darjah kebesaran yang dianugerahkan oleh Tuanku Raja kepada para penerima. Para penerima darjah kebesaran terdiri daripada kerabat diraja, rakyat jelata dan individu yang berjasa. Darjah dan pingat kebesaran ini tidak dihadkan kepada rakyat Perlis sahaja tetapi ia juga turut dianugerahkan kepada seluruh warga Malaysia yang dirasakan berkelayakan untuk menerimanya.

Uniknya darjah kebesaran ini, gelarannya berbeza dengan gelaran yang diberikan di negeri-negeri lain. Perbezaannya terletak pada ejaan Dato' dengan Datuk. Ejaan Dato' adalah gelaran yang diberikan oleh Tuanku Raja Perlis sahaja. Tetapi ejaan bagi 'Datuk' pula adalah dianugerahkan oleh raja-raja negeri-negeri lain selain daripada Perlis. Menurut Hamzah Abdullah (2010), perbezaan ejaan tersebut berlaku kerana Perlis menggunakan kaedah transliterasi bagi tulisan jawi yang dirumikan ejaannya berbanding negeri lain bagi perkataan tersebut<sup>9</sup>.

Prosedur pemilihan individu yang menerima darjah dan pingat kebesaran ini bermula dengan permohonan daripada individu terbabit. Kemudian permohonannya akan dibincangkan oleh ahli jawatankuasa khas pemilihan darjah dan pingat kebesaran yang dipengerusikan oleh Menteri Besar Perlis. Senarai penerima darjah dan pingat kebesaran kemudiannya dipersembahkan kepada Tuanku Raja. Persetujuan terakhir melalui baginda raja akan menentukan seseorang itu berkelayakan untuk menerima atau sebaliknya darjah atau pingat kebesaran daripada Tuanku Raja Perlis.

### 6.1 Darjah Kerabat diRaja Perlis (D.K.P)

Darjah kebesaran ini dizahirkan pada 17 Mei 2001. Namun ia tidak membawa sebarang gelaran. Ia mengandungi Kalung, Bintang, Selempang dan Lencana. Darjah kebesaran ini khusus untuk D.Y.M.M Tuanku Raja Perlis.

### 6.2 Darjah Kerabat Baginda Tuanku Syed Putra Jamalullail (D.K)

Darjah kebesaran ini dizahirkan pada 21 September 1965. Darjah kebesaran ini juga tidak membawa sebarang gelaran. Ia mengandungi Kalung, Bintang, Selempang dan Lencana. Ia dikurniakan kepada D.Y.M.M Raja-Raja, kerabat diraja Perlis yang kanan serta pihak tertentu atas limpah perkenan Tuanku Raja Perlis.

<sup>9</sup> Tulisan asal bagi ejaan Dato' dalam tulisan jawi ialah داتوٌ . Tulisan jawi di sini berubah apabila huruf ـ (hamzah) yang terdapat pada tulisan tersebut digantikan dengan tanda ' . Ia mengikut ejaan transliterasi yang telah ditetapkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka apabila sesuatu perkataan Arab ingin ditulis dalam ejaan rumi.

### **6.3 Darjah Dato' Bendahara Seri Jamalullail (D.B.S.J)**

Darjah kebesaran ini dizahirkan pada tahun 2006. Ia mengandungi Kalung, Bintang, Selepang dan Lencana. Darjah ini dikurniakan atas perkenan Tuanku Raja Perlis. Darjah ini merupakan penghormatan yang sangat tinggi kepada penerima. Penerima darjah kebesaran ini membawa gelaran Dato' Seri Diraja Bendahara Negara.

### **6.4 Darjah Seri Setia Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (S.S.S.J)**

Darjah kebesaran ini dizahirkan pada 17 Mei 2001. Ia mengandungi Kalung, Bintang, Selepang dan Lencana. Darjah kebesaran ini dikurniakan kepada Kerabat-Kerabat Diraja Perlis dan juga pihak-pihak tertentu atas limpah perkenan Tuanku Raja Perlis. Penerima darjah kebesaran ini membawa gelaran Dato' Seri Diraja.

### **6.5 Darjah Setia Paduka Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (S.P.S.J)**

Darjah kebesaran ini dizahirkan pada tahun 2005. Ia mengandungi Kalung, Bintang, Selepang dan Lencana. Penerima kurnia bagi darjah ini membawa gelaran Dato' Seri Setia Diraja.

### **6.6 Darjah Seri Paduka Mahkota Perlis (S.P.M.P)**



Darjah kebesaran ini dizahirkan pada 21 September 1965. Ia mengandungi Kalung, Bintang, Selepang dan Lencana. Penerima darjah kebesaran ini akan membawa gelaran Dato' Seri.

### **6.7 Darjah Dato' Setia Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (D.S.S.J)**

Darjah kebesaran ini dizahirkan pada 17 Mei 2001. Ia dikurniakan kepada Kerabat-Kerabat Diraja dan juga kepada pihak-pihak tertentu atas limpah perkenan Tuanku Raja Perlis. Penerima darjah kebesaran ini membawa gelaran Dato' Paduka.

### **6.8 Darjah Dato' Wira Tuanku Syed Sirajuddin Jamulullail (D.W.S.J)**

Darjah kebesaran ini dizahirkan pada tahun 2005. Ia dikurniakan kepada mereka yang berkhidmat cemerlang kepada Negeri Perlis. Penerima darjah kebesaran ini akan membawa gelaran Dato' Wira.

### **6.9 Darjah Dato' Paduka Mahkota Perlis (D.P.M.P)**



Darjah kebesaran ini dizahirkan pada 21 September 1965. Ia mengandungi Kalung, Bintang, Selepan dan Lencana. Darjah kebesaran ini dianugerahkan kepada mereka yang berkhidmat cemerlang kepada Negeri Perlis. Penerima darjah kebesaran ini membawa gelaran Dato'.

### **6.10 Darjah Dato' Setia Paduka Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (D.S.P.J)**



Darjah kebesaran ini dizahirkan pada tahun 2005. Ia dikurniakan kepada mereka yang berkhidmat cemerlang kepada Negeri Perlis. Penerima darjah kebesaran ini membawa gelaran Dato'.

### **6.11 Darjah Dato' Panglima Sirajuddin Jamalullail (D.P.S.J)**

Darjah kebesaran ini dizahirkan pada 21 September 1965. Ia mengandungi Kalung, Bintang, Selepan dan Lencana. Darjah kebesaran ini dikurniakan kepada mereka yang berkhidmat cemerlang kepada Negeri Perlis. Penerima darjah kebesaran ini akan membawa gelaran Dato'.

### **6.12 Darjah Dato' Bergelar**

Darjah kebesaran ini dizahirkan pada 27 Disember 1978. Pengurniaan Dato' Bergelar membawa gelaran mengikut pengurniaan itu sendiri. Darjah kebesaran ini mempunyai sepuluh jenis iaitu;

- i. Dato' Kurnia Bakti
- ii. Dato' Indera Perkasa
- iii. Dato' Setia Bentara
- iv. Dato' Indera Jaya

- v. Dato' Indera Pahlawan
- vi. Dato' Lela Perkasa
- vii. Dato' Alim Panglima
- viii. Dato' Kaya Bakti
- ix. Dato' Setia Jaya
- x. Dato' Alim Setia

#### **6.13 Darjah Setia Mahkota Perlis (S.M.P)**



Darjah kebesaran ini dizahirkan pada 21 September 1965. Darjah kebesaran ini memiliki Lencana Leher. Ia dikurniakan kepada mereka yang mempunyai kedudukan yang tinggi dan berjasa kepada Negeri Perlis.

#### **6.14 Darjah Seri Sirajuddin Perlis (S.S.P)**

Darjah kebesaran ini dizahirkan pada tahun 2005. Ia mengandungi Lencana Leher. Ia dikurniakan kepada mereka yang memiliki kedudukan yang tinggi dan berjasa kepada Negeri Perlis.

#### **6.15 Darjah Ahli Mahkota Perlis (A.M.P)**



Darjah kebesaran ini dizahirkan pada 27 Jun 1971. Ia mengandungi Pingat. Darjah kurniaan ini dikurniakan kepada mereka yang telah memberi khidmat cemerlang kepada Negeri Perlis.

## 7. PINGAT-PINGAT KEBESARAN

Terdapat enam pingat kebesaran yang dianugerahkan oleh Tuanku Raja kepada para penerima. Pingat-pingat kebesaran yang dikurniakan oleh Tuanku Raja adalah seperti berikut;

### 7.1 Pingat Mahkota Perlis (P.M.P)



Pingat kebesaran ini dizahirkan pada 22 Jun 1995. Ia dikurniakan kepada sesiapa yang telah memberi khidmat cemerlang kepada Negeri Perlis.

### 7.2 Pingat Keberanian Handal (P.K.H)

Pingat kebesaran ini dizahirkan pada 22 Ogos 1953. Ia dikurniakan kepada sesiapa di dalam Negeri Perlis yang telah menentukan keberanian handal di dalam kejadian yang sangat-sangat membahaya dirinya.



### 7.3 Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T)



Pingat kebesaran ini dizahirkan pada 18 Ogos 1960. Ia dikurniakan kepada sesiapa yang telah melakukan di dalam Negeri Perlis sesuatu perbuatan atau beberapa perbuatan pekerti yang terpilih di dalam keadaan yang merbahaya dirinya.

#### 7.4 Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)



Pingat kebesaran ini dizahirkan pada 22 Oktober 1953. Ia dikurniakan kepada sesiapa yang telah berjasa dan melakukan bakti kepada Negeri Perlis.

#### 7.5 Pingat Jasa Baik (P.J.B)



Pingat kebesaran ini dizahirkan pada 30 Jun 1968. Ia dikurniakan kepada sesiapa yang telah berkhidmat cemerlang dan taat kepada Negeri Perlis.

#### 7.6 Pingat Perkhidmatan Lama (P.P.L)



Pingat kebesaran ini dizahirkan pada 4 Julai 1962. Ia dianugerahkan kepada pegawai-pegawai kerajaan telah berkhidmat dengan cemerlang melebihi 25 tahun.

## 8. PENGARUH ISLAM DAN ADAT MELAYU DALAM ADAT ISTIADAT ISTANA PERLIS

Adat Istiadat Istana tidak dapat tidak telah dipengaruhi oleh Islam dan Adat Melayu. Hal ini adalah kerana selepas kemasukan Islam ke Nusantara, kepercayaan dan kepatuhan kepada agama Islam menjadi teras amalan kepada raja dan rakyat jelata, manakala adat Melayu yang sekian lama menjadi tata cara hidup bangsa Melayu disesuaikan dengan ajaran Islam itu sendiri.

Begitulah juga dalam konteks adat istiadat istana di negeri Perlis. Penekanan kepada adat istiadat dan protokol yang tidak menyalahi kehendak ajaran Islam amat ditekankan bersesuaian dengan sejarah kemahsyuran keturunan Syed sebagai tunjang institusi Raja di Perlis. Dalam hal ini Buyong Adil (1981) menyatakan bahawa pemerintahan Perlis banyak dipengaruhi orang keturunan Syed yang datang dari Hadramaut di Tanah Arab sehingga sekarang.

Salah satu faktor penyebab pengaruh Islam dan adat Melayu yang dominan dalam adat istiadat di Raja Perlis adalah kerana faktor penginstitusian pentadbiran hukum syarak. Hasnan Kasan (2006) menyatakan bahawa semasa pemerintahan Siam dan Inggeris di Perlis, hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu ditadbir oleh Raja Melayu itu sendiri. Baginda Raja dianggap sebagai ketua agama Islam dan adat Melayu bagi negeri Perlis. Oleh sebab itu, Baginda Raja mempunyai kuasa penuh dalam dua perkara itu tersebut. (Azizan Khalid Ahmad 1970). Sehubungan itu, Sultan Syed Putra telah menubuhkan Majlis Agama Islam Perlis pada tahun 1920. Pentadbirannya dijalankan mengikut Undang-Undang Mahkamah Syariah yang berkuatkuasa sejak pemerintahan Syed Alwi (1905-1943) (Othman Ishak 1981).

Seterusnya, pihak Inggeris mengadakan perjanjian yang berasingan dengan Perlis pada tahun 1930 dengan Perlis secara rasminya berada di bawah perlindungan Inggeris dan kerajaan Perlis dikehendaki menerima Penasihat Inggeris dalam hal ehwal pentadbiran awam, melainkan hal ehwal agama dan adat istiadat (Khoo Kay Kim 1984). Bila Perlis dimasukkan ke dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dengan Kerajaan Inggeris pada 12 Januari 1948, kerajaan Negeri Perlis telah menubuhkan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis untuk mengendalikan hal ehwal agama untuk menggantikan Undang-Undang Mahkamah Syariah. Berikutan Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Perlis No. 3 diluluskan pada tahun 1963, Jabatan Agama Islam Perlis telah ditubuhkan pada tahun yang sama di Kangar (Minarni Ibrahim 1993).

Fungsi utama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis ialah memberi nasihat kepada raja mengenai hal agama Islam dan adat Melayu. Untuk melaksanakannya, Majlis ini telah menubuhkan tiga jawatankuasa kecil: Jawatankuasa Syariah, Jawatankuasa Mahkamah Kadi dan Jawatankuasa Ulangbicara. Majlis itu terdiri daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis, Mahkamah Syariah dan Bahagian Mufti (Minarni Ibrahim 1993). Seterusnya ingin dinyatakan bahawa jawatan Mufti telah wujud semenjak pemerintahan Syed Alwi, walaupun Jawatankuasa Syariah baru ditubuhkan pada tahun 1963 dan Bahagian Mufti dalam pentadbiran Jabatan Agama Islam Negeri Perlis baru ditubuhkan pada tahun 1964. Mufti pertama yang dilantik ialah Tuan Haji Muhammad Nor bin Haji Muhammad. Beliau telah berkhidmat dari tahun 1920 hingga 1941 (Othman Ishak 1981).

## 9. KESIMPULAN

Adat istiadat penganugerahan darjah kebesaran dan pingat merupakan suatu istiadat yang unik dan istimewa yang dipraktiskan di istana. Walaupun ia merupakan adat istiadat istana yang diwarisi turun temurun, didapati adat ini turut berlaku perubahan mengikut peredaran zaman. Misalnya diwujudkan Istiadat Penghadapan dan berlakunya penambahan darjah dan pingat kebesaran dan perubahan prosedur dan protokol dari semasa ke semasa. Pengaruh agama Islam dan budaya Melayu dilihat mendominasi keseluruhan perjalanan adat istiadat istana Perlis bersesuaian dengan pegangan agama Raja Perlis dan institusi agama yang menasihati Baginda Raja.

Pengamalan terus menerus istiadat istana kesultanan Melayu di Malaysia setidak tidaknya akan terus melestarikan bukan sahaja dalam konteks perlumbagaan dan perundungan tetapi juga dalam konteks kemasyarakatan dan pengdokumentasiannya. Adat istiadat kesultanan Melayu di negeri Perlis ini merupakan warisan adat istiadat istana yang perlu dipelihara agar kelestariannya dapat dipertahankan sampai bila-bila.

## RUJUKAN

Amil Senapi. (29 April 2010). Temubual melalui telefon.

Buyong Adil. 1981. Sejarah Perlis. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bryson, H.P & I.W Bleloch. (1936). "Record of the ceremonial followed at the death and funeral of Yang di-Pertuan Besar, Tuanku Muhammad, G.C.M.G., K.C.V.O. ibni al-Marhum Yang Tuan Antah, and at the proclamation of his son Tunku Abdu'l Rahman as his successor" dlm. Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, V. 14, Part. 3, hlm. 272-279.

Buku Aturcara Program Sambutan Hari Keputeraan Ke-66 Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis pada 17 Mei 2009.

Hamzah Abdullah (Dato'). (30 April 2010). Temubual melalui telefon.

Hasnan Kasan, "Penginstitusian Pentadbiran Hukum Syarak di Semenanjung Malaysia" dalam SARI 24, 2006. 173 - 189

Hill, A.H. (1970). "The Malay Keris and Other Weapons" dlm. Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society. V.29. Pt.4. Bil. 176. hlm. 99-98.

Ismail Ahmad. (1967). Misa Melayu. Melaka: Toko Buku Abbas Bandong.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (1984), Keris, Kuala Lumpur: Bahagian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia

Kerajaan Negeri Perlis. (t.t). 'Majlis Ulang Tahun Hari Keputraan Ke 66, Duli Yang Maha Tuanku Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra

Jamalullail' dlm. Laman Web Rasmi Raja Perlis <http://www.perlisroyalty.gov.my>. Diakses pada 30 Februari 2010.

Khoo, Kay Kim. (1981). "Social History and Evolution in the Interrelations of Adat and Islam in Rembau, Negeri Sembilan" dlm. Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society. hlm. 73-72.

Linehan, W. (1926). "Royal modes of Address in Pahang" dlm. Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, V. 4, Pt. 3, hlm. 339.

Minarni Ibrahim. 1993. Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Zainuddin Haji Abdullah & Mohd Shahrim Senik (2007), Senjata Warisan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Rakaman sewaktu latihan (rehearsal) Majlis Penganugerahan Darjah-darjah dan Pingat-pingat Kebesaran dengan Dato' Hamzah, Pegawai Adat Istiadat Istana Perlis di Balairong Seri, Istana Arau, Perlis pada 16 Mei 2009, jam 9 pagi hingga 12 tengahari.

Ramli Ismail. (1994). "Adat Istiadat Di Perlis" dlm. Jurnal Warisan Indera Kayangan, Bil.6. hlm. 1-5.

\_\_\_\_\_. (2000). "Peranan Keris Dalam Masyarakat Melayu Perlis" dlm. Jurnal Warisan Indera Kayangan, Bil.12, hlm. 25-26.

Rejab F.I. (1996). "Alat Kebesaran DiRaja Tuanku Raja Negeri Perlis" dlm. Jurnal Warisan Indera Kayangan, Bil.8, hlm. 4-5.

Roslan Bidin. (1994). "Tengkolok: Lambang Ketampanan Jejaka" dlm. Warisan Indera Kayangan: Jurnal Jawatankuasa Gerakan Membaca Perlis. Bil. 8. hlm. 21-22.

Shamsul Amri Baharuddin. (2007b). "Kesultanan Melayu dan Kerajaan" dlm. Budaya Yang Tercabar. Kuala Lumpur: Dawama Sdn. Bhd.

\_\_\_\_\_. (2007b). "Kepentingan Kajian Budaya" dlm. Budaya Yang Tercabar. Kuala Lumpur: Dawama Sdn. Bhd.

Sheehan, J.J. (1936). "The installation of Tengku Kurshiah as Tengku Ampuan, Negeri Sembilan" dlm. Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, V. 14, Part. 3, hlm. 243-246.

\_\_\_\_\_. (1936). "The Installation of Tuanku Abdul-Rahman ibni Al-Marhum Tuanku Muhammad Shah as Yang di-Pertuan Besar, Negeri Sembilan" Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, V. 14, Part. 3, hlm. 230-242.

Syed Alwi bin Sheikh Al-hadi. (1960). 'Adat Resam Melayu Dan 'Adat Isti'adat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Winstedt, R.O. (1929). "The Perak Royal Musical Instrument" dlm. Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, VII. 4, Pt. 3, hlm. 451-453.

\_\_\_\_\_. (1929). "Royal Tabus in Negeri Sembilan" Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, VII. 4, Pt. 3, hlm. 454-455.

## **LAMPIRAN**



Tuanku Raja Perlis dan Raja Muda Perlis membalaik tabik hormat angkatan tentera.



Pegawai tentera dan barisan pancaragam yang memainkan lagu negeri Perlis dan lagu-lagu selingan.



Mufti Perlis Dr. Juanda Jaya dan isteri,  
Beliau terlibat dalam upacara  
membaca doa.



Contoh pakaian bagi bagi tetamu lelaki dan  
perempuan Melayu  
dalam Majlis Penganugerahan



Pakaian rasmi Jemaah Dato'-Dato'  
Perlis



Contoh pakaian penerima  
anugerah bagi lelaki Melayu